



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

ORANG RAMAI DINASIHATKAN UNTUK MERANCANG PERJALANAN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2024

1. Orang ramai khususnya pengguna perkhidmatan bas ekspres dinasihatkan agar merancang perjalanan dan tidak membuat pembelian tiket perjalanan di saat akhir bagi mengelakkan kesulitan rancangan perjalanan pulang ke kampung halaman sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024.
2. Berdasarkan tinjauan APAD melalui di terminal-terminal utama seluruh Semenanjung Malaysia, jualan tiket secara atas talian melalui Sistem Tiket Berpusat (CTS) masih dibuka.
3. Sebagai inisiatif membantu industri bas ekspres dalam memastikan jumlah bas ekspres mencukupi sepanjang tempoh perayaan ini, pihak APAD telah membuka permohonan Lesen Perubahan Sementara (LPS) bagi perkhidmatan bas ekspres kelas Ekonomi dan menerima sebanyak 174 permohonan sejak ia dibuka pada 11 Mac 2024 dan jumlah ini dijangka meningkat sebelum tarikh tutup permohonan pada 2 April 2024. APAD berharap lebih ramai pengendali bas ekspres akan membuat permohonan LPS ini seterusnya memberi perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan efisien kepada pengguna. Pengendali juga diberi peringatan agar mengenakan kadar tambang munasabah dan tidak sewenang-wenangnya menaikkan tambang selain jadual tambang yang telah ditetapkan berdasarkan kategori ekonomi atau kategori eksekutif.
4. APAD tidak akan berkompromi dengan mana-mana pengendali yang mengenai caj tambang tambahan yang tidak munasabah dan membebankan pengguna. APAD dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa bekerjasama dalam memastikan tiada pengusaha bas ekspres yang mengenakan kadar tambang sewenang-wenangnya.
5. Manakala, bagi para pengguna pula, APAD ingin menasihatkan agar mengambil beberapa langkah berikut bagi memastikan kelancaran perjalanan semua pengguna perkhidmatan Bas Ekspres iaitu:
 - I. Dinasihatkan membuat perancangan perjalanan dan tidak membuat pembelian tiket pada saat akhir ;
 - II. Kenalpasti jenis perkhidmatan bas ekspres, sama ada kelas ekonomi atau kelas eksekutif. Kedua-dua jenis perkhidmatan ini mempunyai perbezaan dari segi jenis perkhidmatan dan kadar tambang.
 - III. Membuat pembelian tiket melalui saluran yang sah. Sila rujuk maklumat terkini mengenai jualan tiket melalui portal terminal;
 - IV. Membuat semakan tarikh, masa dan lokasi perjalanan;
 - V. Hadir awal ke terminal ketika hari perjalanan, dan
 - VI. Mematuhi peraturan yang ditetapkan serta memberi kerjasama kepada pemandu dan pengguna lain.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

6. Dalam perkembangan sama juga, selain perkhidmatan bas ekspres, pengguna juga digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi perjalanan pulang ke kampung halaman. APAD sentiasa komited memastikan perkhidmatan pengangkutan awam sentiasa terjamin dan mencukupi sempena musim perayaan ini dan kerjasama semua pengendali serta pemain industri amatlah diharapkan dalam usaha menjadikan pengangkutan awam sebagai mod pilihan rakyat meraikan kemeriahan suasana pulang ke kampung halaman

TAMAT

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
29 MAC 2024